

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : PENGAJARAN MATEMATIK
SEKOLAH RENDAH
KOD KURSUS : BBR 23503
PROGRAM : 2 BBR / 3 BBR
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA : 3 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN
NAMA :
NO MATRIK :

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH LIMA (25)** MUKA SURAT

SULIT

- S1. Berikut adalah antara fakta dalam pembelajaran koperatif kecuali
- A. pembelajaran aktif
 - B. pembelajaran secara perseorangan
 - C. kerja berkumpulan
 - D. penilaian kumpulan
- S2. Ciri-ciri dalam pembelajaran koperatif adalah seperti berikut kecuali
- A. memilih objektif pengajaran
 - B. mewujudkan interaksi bersemuka terkawa
 - C. mengenalpasti peranan ahli
 - D. berkongsi aktiviti dan bahan
- S3. Berikut adalah contoh-contoh strategi pembelajaran koperatif kecuali
- A. kaedah Jigsaw
 - B. penyiasatan individu
 - C. bahagian pencapaian pelajar (STAD)
 - D. pertandingan permainan berkumpulan (TGT)
- S4. Kejayaan menggunakan pembelajaran koperatif dalam bilik darjah bergantung kepada keperluan berikut kecuali
- A. kumpulan-kumpulan homogen
 - B. saling bersandaran yang positif
 - C. akauntibiliti individu
 - D. penyertaan sesama
- S5. Pembentukan kumpulan pembelajaran koperatif mempunyai ciri-ciri seperti berikut:
- i. Kumpulan heterogen yang terdiri daripada 4 orang ahli
 - ii. Setiap ahli kumpulan mempunyai peranan yang berlainan
 - iii. Tiada ahli yang menjadi ketua
 - iv. Setiap ahli bertanggungjawab terhadap tugas yang diberi
- A. i, ii dan iii sahaja
 - B. i, ii dan iv sahaja
 - C. ii, iii dan iv sahaja
 - D. i, ii, iii dan iv

- S6. Apakah pertimbangan yang perlu diambil oleh guru untuk memastikan kejayaan proses pembelajaran matematik menggunakan kaedah pembelajaran koperatif?
- Mempunyai objektif pembelajaran yang jelas dan spesifik
 - Memberikan arahan kerja yang jelas dan lengkap
 - Membahagikan pelajar kepada kumpulan homogen
 - Mengatur kedudukan pelajar agar dapat berinteraksi secara bersemuka
- i, ii dan iii sahaja
 - i, ii, dan iv sahaja
 - ii, iii dan iv sahaja
 - i, ii, iii dan iv
- S7. Antara ciri berikut, yang manakah tidak perlu dipertimbangkan dalam pembentukan kumpulan pembelajaran koperatif?
- Prestasi
 - Jantina
 - Ketinggian
 - Bangsa
- S8. Berapakahh bilangan ahli kumpulan dalam pembelajaran koperatif mengikut cadangan Johnson, Johnson dan Holube (1993)?
- 2 – 3 orang ahli
 - 2 – 4 orang ahli
 - 2 – 5 orang ahli
 - 2 - 6 orang ahli
- S9. Hare menegaskan 4 asas yang diperlukan dalam pembelajaran koperatif. Manakah antara berikut tidak benar?
- Komitmen antara ahli kumpulan
 - Penetapan peraturan
 - Kepimpinan yang berkesan
 - Status kewangan yang kukuh

- S10. Apakah faktor yang menjejaskan proses pelaksanaan pembelajaran koperatif?
- i. Personaliti
 - ii. Saiz kumpulan
 - iii. Hobi
 - iv. Tugas
- A. i, ii dan iii sahaja
 - B. i, ii dan iv sahaja
 - C. ii, iii and iv sahaja
 - D. i, ii, iii dan iv
- S11. Slavin (1985), menakrifkan pembelajaran koperatif sebagai
- A. aktiviti pembelajaran dalam kumpulan kecil homogen
 - B. aktiviti pembelajaran dalam kumpulan yang tidak berstruktur
 - C. strategi pengajaran melalui kumpulan kecil heterogen
 - D. strategi pengajaran yang bergantung kepada pertukaran maklumat antara ahli
- S12. Menurut Slavin (1992), pembelajaran koperatif berlandaskan dua teori utama iaitu
- A. motivasi dan psikomotor
 - B. motivasi dan kognitif
 - C. motivasi dan afektif
 - D. kognitif dan psikomotor
- S13. Siapakah tokoh yang menyatakan bahawa aktiviti kolaboratif antara kanak-kanak dapat meningkatkan perkembangan fikiran yang matang?
- A. Piaget
 - B. Deutsch
 - C. Slavin
 - D. Damon
- S14. Pembelajaran koperatif memberikan kesan yang positif untuk semua yang berikut kecuali
- A. pencapaian akademik
 - B. hubungan sosial antara kaum
 - C. minat terhadap guru
 - D. sikap terhadap pembelajaran

- S15. Antara pernyataan berikut yang manakah benar mengenai pembelajaran koperatif?
- A. Slavin (1990), mendapati murid lebih bersikap positif terhadap matematik
 - B. Dees (1981), mendapati murid yang tidak yakin dan lemah tidak sesuai untuk pembelajaran koperatif
 - C. Sherman dan Thomas (1986), mendapati murid dapat menyelesaikan masalah matematik dengan baik dalam kumpulan kecil
 - D. T. H. Gan (1999), mendapati berlaku peningkatan dalam pencapaian murid cergas, sederhana dan lemah dalam matematik
- S16. Model yang diperkenalkan oleh Johnson dan Kagan dalam Mills (2006) mempunyai persamaan dari aspek
- A. amalan sikap profesional
 - B. akauntabiliti individu
 - C. pertelingkahan antara ahli
 - D. interaksi individu
- S17. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Cheah Tong Tiat dan rakan-rakan (2008), di manakah pembelajaran koperatif memberi kesan positif di kalangan pelajar?
- A. Sekolah kebangsaan
 - B. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
 - C. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
 - D. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil
- S18. Manakah antara pernyataan berikut yang manakah tidak benar mengenai pelaksanaan pembelajaran koperatif?
- A. Memerlukan masa yang panjang
 - B. Mengambil kira kebudayaan ahli kumpulan
 - C. Menerapkan nilai-nilai murni
 - D. Murid digalakkan membuat tugas perseorangan untuk memastikan pembelajara berlaku

- S19. Faktor tertinggi dalam mempengaruhi amalan pembelajaran koperatif di kalangan pelajar adalah
- A. diri sendiri
 - B. rakan sebaya
 - C. guru
 - D. suasana pembelajaran
- S20. Interaksi sesama ahli dalam kumpulan pembelajaran koperatif dapat meningkatkan pengetahuan berikut kecuali
- A. bahasa
 - B. nilai
 - C. nombor
 - D. sistem simbol
- S21. Siapakah yang memperkenalkan Teori Pembelajaran Penemuan?
- A. Jean Piaget
 - B. Gagne
 - C. Jerome Bruner
 - D. David Ausubel
- S22. Apakah turutan peringkat perkembangan kognitif Jerome Bruner.?
- A. Ikonik – enaktif – simbolik
 - B. Enaktif – ikonik – simbolik
 - C. Enaktif – simbolik – ikonik
 - D. Ikonik – simbolik - enaktif
- S23. Susunkan 4 peringkat perkembangan menurut Jean Piaget.
- A. Deria motor – pra operasi – operasi konkrit – operasi formal
 - B. Deria motor – operasi konkrit – operasi abstrak – operasi formal
 - C. Pra operasi – operasi konkrit – deria motor – operasi formal
 - D. Pra operasi – operasi konkrit – operasi formal – deria motor

- S24. Apakah maksud ekuilibrasi?
- A. Proses menyatukan pengalaman baru
 - B. Pertembungan pengalaman baru dengan yang sedia ada
 - C. Proses kesinambungan antara proses asimilasi dan akomodasi
 - D. Proses mengubahsuai skema sedia ada
- S25. Prinsip kanak-kanak mempelajari matematik mengikut pembelajaran Zoltan Dienes adalah seperti berikut kecuali
- A. Prinsip perubahan perseptual
 - B. Prinsip konstruktiviti
 - C. Prinsip dinamik
 - D. Prinsip seragam
- S26. Kesan pembelajaran Zoltan Dienes terhadap pembelajaran matematik dapat mewujudkan beberapa aktiviti seperti berikut kecuali
- A. Permainan bebas
 - B. Permainan berstruktur
 - C. Perwakilan struktur
 - D. Perwakilan gambar
- S27. Antara berikut yang manakah tidak terlibat dengan urutan pembelajaran Gagne?
- A. Mendapatkan perhatian
 - B. Menilai pencapaian
 - C. Menggalakkan ingatan kembali
 - D. Tidak memaklumkan objektif
- S28. Proses pembelajaran yang diperkenalkan oleh Jean Piaget adalah seperti berikut kecuali
- A. proses skema
 - B. proses adaptasi
 - C. proses akomodasi
 - D. proses asimilasi

Pernyataan berikut merujuk kepada seorang tokoh pendidik.

Dilahirkan pada 9 Ogos 1896 di Switzerland.

Seorang ahli psikologi pendidikan.

Pengarah Pusat Antarabangsa Epistemologi Genetik di Geneva

S29. Siapakah tokoh tersebut?

- A. Jerome Bruner
- B. Jean Piaget
- C. Ausubel
- D. Zoltan Dienes

S30. Jerome Bruner mencadangkan kaedah inkuiri-penemuan supaya

- A. murid dapat mengenal pasti masalah yang ditimbulkan, memahami dan menganalisis perkaitan unsur-unsurnya seterusnya berusaha mendapat jawapan sendiri
- B. guru mengenal pasti masalah dan menyelesaikannya bersama-sama dengan murid
- C. murid melihat guru menjalankan kajian seterusnya menganalisa masalah dan menyelesaikannya
- D. murid belajar melalui pengalaman yang diperolehi seterusnya menyelesaikan masalah yang diberikan oleh guru

S31. Apakah definisi peringkat perwakilan menurut teori Dienes?

- A. Kanak-kanak berjaya menyimpulkan kesamaan sifat yang terdapat dalam situasi yang dihadapi.
- B. Kanak-kanak belajar konsep yang aktivitiya tidak berstruktur dan tiada arahan.
- C. Kanak-kanak diminta menyusun sifat-sifat dan merumuskan sifat-sifat baru
- D. Kanak-kanak meneliti pola dan susunan yang terdapat dalam konsep tertentu.

Maklumat di bawah menunjukkan biodata seorang tokoh.

- Dilahirkan pada 21 Ogos 1916 di North Andover
- Seorang ahli psikologi pendidikan
- Terkenal dengan Teori “Condition of Learning”

S32. Siapakah tokoh tersebut?

- A. Jerome Bruner
- B. Zoltan Dienes
- C. Gagne
- D. Ausubel

S33. Apakah penekanan yang diberikan dalam Model Pembelajaran Ekspositori?

- A. Pembelajaran sepatutnya berkembang dari spesifik kepada umum
- B. Penerangan bahan pembelajaran oleh guru dalam bentuk fakta yang tersusun dan dijelaskan menurut fakta yang lengkap.
- C. Bahan pembelajaran oleh guru mestilah dalam bentuk umum, kemudian murid menyelesaikan masalah mereka sendiri.
- D. Bahan pembelajaran guru adalah dalam bentuk contoh kemudian murid memberiakan prinsipnya.

S34. Apakah dua jenis konsep penyusunan awal menurut David Ausubel?

- A. perbandingan dan persamaan
- B. perbandingan dan hafalan
- C. persamaan dan ekspositori
- D. perbandingan dan ekspositori

S35. Berikut adalah teori pembelajaran penemuan Ausubel, kecuali

- A. pelajar memperoleh maklumat secara bebas melalui usaha sendiri
- B. guru memberikan sepenuh maklumat kepada pelajar dalam sesuatu pembelajaran
- C. pelajar menggunakan rumusan dan analisis sendiri melalui proses cuba jaya
- D. dapat memenuhi kehendak pelajar yang lebih matang

S36. Berikut adalah peringkat pembelajaran Dienes kecuali

- A. peringkat permainan bebas
- B. peringkat perbandingan
- C. peringkat persamaan
- D. peringkat penyimbolan

S37. Apakah tahap umur kanak-kanak pada peringkat Ikonik menurut Teori Jerome Bruner?

- A. 0 – 2 tahun
- B. 2 – 4 tahun
- C. 5 – 7 tahun
- D. 8 – 11 tahun

S38. Pernyataan manakah yang benar mengenai teori pembelajaran?

- i. Terdapat sembilan peristiwa dalam Teori Pembelajaran Gagne
 - ii. Teori pembelajaran penemuan juga dikenali sebagai Model Pembelajaran Ekspositori
 - iii. Konsep penyusunan awal diperkenalkan oleh Jean Piaget
 - iv. Terdapat empat tahap pembelajaran menurut Dienes
- A. i sahaja
 - B. i dan ii sahaja
 - C. i , ii dan iii sahaja
 - D. i, ii, iii dan iv

S39. Nyatakan prinsip Pembelajaran Bruner

- i. motivasi
 - ii. struktur
 - iii. sekuen
 - iv. peneguhan
- A. i sahaja
 - B. i dan ii sahaja
 - C. i , ii dan iii sahaja
 - D. i, ii,iii dan iv

S40. Nyatakan pengkelasan konsep matematik menurut Zoltan Dienes.

- i. konsep matematik asas
- ii. konsep matematik tulen
- iii. konsep tatatanda
- iv. konsep penggunaan

- A. i, ii dan iii
- B. i, iii dan iv sahaja
- C. ii, iii dan iv sahaja
- D. i, ii dan iv sahaja

S41. Pilih pernyataan yang betul mengenai kaedah Inkuri

- A. Inkuri ialah suatu proses mencari kebenaran, maklumat ataupun pengetahuan melalui kaedah penyoalan
- B. Proses inkuri bermula dengan pengumpulan maklumat melalui deria penglihatan sahaja
- C. Inkuri melibatkan pengukuran yang kurang teliti
- D. Dalam teknik pengajaran inkuri tidak memerlukan bimbingan guru

S42. Antara pernyataan berikut pilih yang benar mengenai pendekatan deduktif?

- A. Pendekatan deduktif adalah sesuatu kaedah untuk pelajar lemah
- B. Melalui pendekatan deduktif pelajar lemah akan dibimbing untuk kemahiran berfikir
- C. Pendekatan deduktif dapat menjimatkan masa bagi proses pengajaran dan pembelajaran.
- D. Untuk melaksanakan kaedah deduktif, guru terpaksa membuat banyak persediaan

S43. Apakah tujuan utama pendekatan deduktif?

- A. Menyelesaikan masalah dan membuat generalisasi baru
- B. Meyelesaikan masalah dan membuktikan hipotesis
- C. Membuat generalisasi baru dan membuktikan hipotesis
- D. Meyelesaikan masalah, membuat generalisasi baru dan membuktikan hipotesis

- S44. Pilih pernyataan yang salah mengenai pelaksanaan pendekatan dan strategi pengajaran induktif.
- A. Contoh mempunyai prinsip yang berbeza
 - B. Bermula dengan memberi beberapa contoh yang khusus
 - C. Mendaftar dan mentafsir maklumat dan kemudiannya membuat generalisasi
 - D. Murid di bimbing mengkaji, mengenalpasti dan mentafsir maklumat untuk membuat generalisasi
- S45. Siapakah tokoh pendidik tempatan yang mengutarakan pendapat bahawa kaedah kerja praktik boleh ditakrifkan sebagai suatu aktiviti yang mempunyai tujuan untuk mendapatkan hasil daripada kerjanya?
- A. Liew Su Tim
 - B. Md. Nor Bakar
 - C. Mok Soon Sang
 - D. Raziana Aziz
- S46. Pernyataan yang manakah tidak menunjukkan kelebihan bagi kaedah inkuiri dalam pembelajaran?
- A. Kaedah inkuiri dapat membantu pelajar menjawab perkara yang mereka ingin tahu.
 - B. Kaedah ini dapat memperluaskan pengetahuan pelajar melalui aktiviti yang dilakukan oleh guru.
 - C. Kaedah ini boleh menggalakkan pelajar berfikir kritis dan kreatif.
 - D. Kaedah ini dapat mendedahkan kepada pelajar untuk membuat eksplorasi semasa ujikaji dijalankan
- S47. Kaedah inkuiri merupakan teknik pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan peringkat berikut kecuali
- A. menggunakan prosedur dan memungut data untuk mengenalpasti dan mengembang pengetahuan
 - B. Membentuk soalan, mencuba untuk menyusun set fakta, konsep dan prinsip yang umum
 - C. membina prosedur dan memungut maklumat
 - D. menggantikan prosedur dengan prosedur yang baru

- S48. Antara berikut pilih pernyataan yang betul.
- A. Inkuiri deduktif dikatakan berlaku apabila pembelajaran murid bergerak daripada yang spesifik kepada membuat generalisasi
 - B. Inkuiri induktif berlaku apabila pembelajaran murid bergerak daripada generalisasi kepada contoh yang lebih spesifik
 - C. Inkuiri terbuka berlaku apabila murid diberi kebebasan mengenalpasti dan memilih persoalan dan masalah sendiri untuk disiasat
 - D. Inkuiri bebas berlaku apabila guru mengajukan soalan dan seterusnya bersama-sama murid merancang penyiasatan sebelum murid melaksanakan perancangan itu
- S49. Guru harus dapat membimbing dan mencerminkan pengalaman pembelajaran secara kumpulan melalui semua tahap berikut kecuali
- A. tahap penyelesaian masalah
 - B. tahap matlamat
 - C. tahap pegurusan kumpulan
 - D. tahap pemahaman secara individu
- S50. Pernyataan berikut adalah benar kecuali
- A. kaedah inkuiri adalah tidak sesuai dijalankan kepada murid lambat atau kurang cerdas
 - B. kesesuaian kaedah inkuiri banyak bergantung kepada matlamat atau tujuan sesuatu proses pembelajaran
 - C. dari sudut matlamat pembelajaran dan pembinaan insan, kaedah inkuiri adalah kurang sesuai digunakan apabila kebolehan belajar sepanjang hayat diinginkan
 - D. kaedah inkuiri adalah untuk sesuai untuk pelajar yang pandai sahaja
- S51. Bilakah kaedah inkuiri sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran?
- A. Proses pembelajaran adalah sama penting dengan hasil pembelajaran
 - B. Maklumat terperinci yang banyak perlu disampaikan
 - C. Pembinaan kemahiran mengikut langkah-langkah tertentu yang diperlukan
 - D. Penghafalan dan ingat kembali yang pantas diperlukan

- S52. Pernyataan berikut adalah benar untuk strategi pembelajaran inkuiri kecuali
- A. inkuiri induktif
 - B. inkuiri deduktif
 - C. inkuiri tertutup
 - D. inkuiri terbimbing
- S53. Pendekatan deduktif merupakan antara pendekatan paling sesuai diaplikasikan pada peringkat
- A. sekolah rendah
 - B. sekolah menengah
 - C. pra universiti
 - D. universiti
- S54. Semua pernyataan berikut adalah ciri pendekatan deduktif kecuali
- A. pembelajaran mementingkan pengetahuan yang akan diperoleh oleh murid
 - B. pendekatan ini tidak menggunakan pengantara fikiran untuk mendapatkan rumus
 - C. penyusunan isi mestilah dimulakan daripada keseluruhan kepada yang lebih kompleks
 - D. embelajaran kefahaman lebih kekal daripada hafalan
- S55. Prinsip penggunaan strategi pengajaran secara induktif berikut adalah benar kecuali
- A. sebelum memulakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara induktif , guru harus menyediakan contoh yang sesuai.
 - B. guru perlu memberi keterangan atau menghuraikan isi pelajaran yang berkaitan dengan kesimpulan.
 - C. jenis contoh khusus yang diberikan hendaklah dipelbagaikan, tetapi mengandungi ciri yang sama serta mudah dikenalpasti
 - D. contoh khusus yang dipilih haruslah sesuai dan mencukupi.
- S56. Apakah dua jenis amali yang diperkenalkan oleh Wenning (2005) tetapi tidak diiktiraf sebagai aktiviti inkuiri?
- A. amali berasaskan visual dan amali inkuiri
 - B. amali berasaskan deduksi dan amali inkuiri
 - C. amali berasaskan induksi dan amali inkuiri
 - D. amali berasaskan resipi dan amali inkuiri

S57 Antara berikut manakah bukan amali-berasaskan resipi.

- A. Dipacu langkah terperinci yang hanya memerlukan kemahiran berfikir aras rendah
- B. Biasanya menumpu kepada aktiviti mengesahkan maklumat yang telah dipersembahkan dalam perjumpaan terdahulu iaitu menggunakan proses deduktif
- C. Memerlukan murid mencipta reka bentuk eksperimen terkawal serta mengenal pasti dan mengawal pembolehubah secara sendiri.
- D. Jarang memberi peluang murid menangani kesilapan, ketidakpastian dan miskonsepsi serta membiarkan murid melakukan kesilapan.

S58 Kelebihan pendekatan deduktif jika digunakan dalam menyampaikan isi pelajaran adalah sebagai berikut:

- i. Menjimatkan masa bagi proses pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Memberi fokus sepenuhnya untuk mengajar kerana guru tidak perlu membuat banyak persediaan
- iii. Pelajar dapat mempelbagaikan proses penyelesaian masalah dengan pendekatan in
- iv. Memudahkan kefahaman murid.

- A i dan iii sahaja
- B i. iii iv sahaja
- C i, ii dan iv sahaja
- D i, ii, iii dan iv

S59. Ciri amali inkuiri yang diutarakan oleh Wenning adalah seperti berikut:

- i. Dipacu soalan yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi secara tersusun.
- ii. Biasanya menumpu kepada aktiviti mengesahkan maklumat yang telah dipersembahkan dalam perjumpaan terdahulu
- iii. Memerlukan murid mencipta reka bentuk eksperimen terkawal serta mengenal pasti dan mengawal pembolehubah secara sendiri.
- iv. Konsep membenarkan murid melakukan kesilapan dan belajar daripada kesilapan tersebut.

- A i dan iii sahaja
- B i. ii dan iii sahaja
- C i, iii dan iv sahaja
- D i, ii, iii dan iv

- S60 Nyatakan bilangan jenis kaedah induktif yang boleh digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- 3
 - 4
 - 5
 - 6
- S61 Antara berikut, yang manakah menerangkan perkembangan Teori Pembelajaran?
- Kemahiran behaviourisme → kemahiran berfikir kognitivisme → kemahiran pemprosesan maklumat
 - Kemahiran berfikir kognitivisme → kemahiran behaviorisme → pengetahuan konstruktivisme
 - Kemahiran behaviourisme → kemahiran berfikir kognitivisme → pengetahuan konstruktivisme
 - Kemahiran pemprosesan maklumat → kemahiran berfikir kognitivisme → kemahiran konstruktivisme
- S62 Berikut merupakan antara 12 prinsip pembelajaran ala konstruktivisme yang disenaraikan oleh Caine dan Caine (1991) kecuali
- pembelajaran melibatkan keseluruhan fisiologi.
 - digunakan untuk menyelesaikan masalah atau membuktikan hipotesis
 - usaha untuk mencari makna bersifat semula jadi
 - emosi adalah kritikal kepada pencorakan.

Pernyataan di bawah merujuk kepada pendapat seorang tokoh.

“Pendidik yang cekap harus melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sebagai proses menyusun atau membina pengalaman secara berterusan”

- S63 Siapakah tokoh itu?
- John Dewey
 - Briner, M.
 - Caine dan Caine
 - Rutherford dan Ahlgren

- S64 Apakah kesan fasa orientasi terhadap pembelajaran?
- Proses menyiapkan tugas bersama-sama antara pelajar bagi meningkatkan pencapaian
 - Seseorang pelajar mencapai matlamat sendiri apabila kumpulannya mencapai matlamat tersebut
 - Pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda manusia
 - Pelajar akan dapat menerangkan konsep yang dipelajari
- S65 Apakah pengertian konstruktivisme?
- Pembelajaran yang melibatkan kerjasama pelajar untuk belajar dan bertanggungjawab ke atas pembelajaran rakan-rakan mereka
 - Proses menyiapkan tugas bersama-sama antara pelajar bagi meningkatkan pencapaian
 - Seseorang pelajar mencapai matlamat sendiri apabila kumpulannya mencapai matlamat tersebut
 - Pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda manusia
- S66 Apakah pendekatan konstruktivisme dalam fasa pencetusan idea?
- Guru-guru mengenalpasti idea yang baru diubahsuai
 - Guru-guru mengenalpasti kerangka alternative pelajar
 - Pelajar berpeluang mengubahsuai kerangka alternative kepada idea saintifik
 - Guru-guru perlu menarik minat pelajar serta memotivasikan mereka agar terus memberi perhatian dalam pengajaran yang berlangsung

Pernyataan di bawah merujuk kepada aktiviti kaedah inkuiri.

Guru-guru boleh menggunakan kaedah inkuiri untuk menyelongkar dan menyiasat melalui kaedah eksperimen

- S67 Pernyataan di atas menerangkan mengenai
- fasa pencetusan idea
 - fasa penstrukturan semula idea
 - fasa aplikasi idea
 - fasa refleksi

- S68 Antara berikut, manakah aktiviti fasa penstrukturan semula idea?
- Berseronok dan lebih berkemahiran sosial
 - Pelajar akan berfikir untuk menyelesaikan masalah
 - Pelajar akan dapat membuat definisi, menerangkan konsep, menyoal tentang penerangan lanjutan
 - Pelajar akan dapat mengingati konsep yang dipelajari dengan lebih lama
- S69 Apakah fasa bagi aktiviti penulisan kerja projek oleh pelajar?
- Fasa pencetusan idea
 - Fasa aplikasi idea
 - Fasa orientasi
 - Fasa refleksi
- S70 Apakah tujuan fasa refleksi?
- Menilai kefahaman murid dan idea
 - Mengenalpasti idea baru yang diubahsuai
 - Mengenalpasti kerangka alternative pelajar
 - Memotivasikan pelajar agar mereka terus berminat dalam pengajaran yang berlangsung
- S71 Berikut merupakan prinsip pembelajaran kostruktivisme kecuali
- pembelajaran adalah satu aktiviti sosial
 - pembelajaran adalah satu kontekstual
 - pembelajaran adalah konstruktiviti
 - pembelajaran memerlukan masa
- S72 Manakah antara berikut merupakan kriteria suasana pembelajaran kostruktivisme?
- Galakkan refleksi dan kesedaran tentang proses pengajaran dan pembelajaran
 - Menyediakan suasana pembelajaran yang kompleks dan pelbagai aktiviti
 - Atur isi pelajaran dalam pelbagai mod media
 - Aktiviti pembelajaran berkumpulan yang berstruktur
- i dan ii sahaja
 - i, ii dan iii sahaja
 - ii dan iv sahaja
 - ii, iii dan iv sahaja

S73 Konstruktivisme dapat diaplikasikan dalam pengajaran matematik melalui kaedah berikut kecuali

- A. pelajar menulis hasil pengalaman mereka
- B. pelajar berbincang keputusan penyiasatan mereka
- C. pelajar berfikiran secara mencapah
- D. pelajar bergantung kepada guru

S74 Manakah antara berikut menerangkan mengenai prinsip- prinsip konstruktivisme?

- i. Menekankan pembelajaran berpusat
 - ii. Pelajar membina pengetahuan yang bermakna kepada diri sendiri
 - iii. Guru dan rakan sebagai fasilitator
 - iv. Aktiviti sosial tidak penting kepada pelajar
- A. i dan ii sahaja
 - B. i,ii dan iii sahaja
 - C. ii, iii dan iv sahaja
 - D. i dan iv sahaja

S75 Apakah konsep asas konstruktivisme?

- A. Pelajar aktif dalam membina pengetahuan berasaskan pengalaman terdahulu
- B. Satu komitmen terhadap pandangan bahawa manusia membina pengetahuan sendiri
- C. Strategi pengajaran melauai kumpulan kecil pelajar yang bersistematik
- D. Pelajar mengumpul dan mentafsir maklumat

Berikut adalah kenyataan yang diberi oleh tokoh pendidik.

Murid membina pengetahuan mereka dengan menguji idea dan pendekatan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada, mengaplikasikannya kepada situasi baru dan mengintegrasikan pengetahuan baru yang diperoleh dengan binaan intelektual yang sedia

S76 Siapakah yang memberi kenyataan berikut?

- A. McBrien & Brandt,1997
- B. Needham, 1987
- C. Briner, M., 1999
- D. Brooks & Brooks, 1993

S77 Apakah penekanan yang diberi dalam odel yang dibangunkan oleh Needham (1987)?

- A. Pelajar mempunyai idea sendiri tentang hampir semua perkara
- B. Pelajar membina pengetahuan mereka dengan menguji idea, pendekatan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada
- C. Pengetahuan seorang pelajar adalah hasil daripada aktiviti pelajar itu sendiri
- D. Pelajar digalakkan bertukar-tukar idea melalui fasa pencetusan idea

S78 Apakah peranan pelajar berdasarkan teori konstruktivisme?

- i. Membimbing pelajar lain
 - ii. Meningkatkan minat dan kemahiran berfikir
 - iii. Mengimbas proses pembelajaran yang lepas
 - iv. Menyediakan aktiviti yang focus kepada penajaan idea
- A. i dan ii sahaja
 - B. ii dan iii sahaja
 - C. ii dan iv sahaja
 - D. ii, iii dan iv sahaja

S79 Konstruktivisme menetapkan peranan guru sebagai yang berikut, kecuali

- A. menggalakkan pelajar membuat tugas yang berkualiti
- B. berinteraksi dengan pelajar untuk melanjutkan idea pelajar
- C. menyediakan aktiviti yang berfokus kepada idea pelajar
- D. mengaplikasikan idea baru


S80 Fahaman konstruktivisme dapat diaplikasikan bagi mencapai perkara-perkara berikut, kecuali

- A. meningkatkan pengetahuan pelajar
- B. menambahkan beban tugas guru dalam pengajaran
- C. meningkatkan kemahiran sosial murid
- D. menambahkan maklumat pelajar

- S81 Anantara berikut, manakah konsep yang diketengahkan oleh Franenkel (1980) berkenaan dengan “berfikir”?
- A Merupakan pembentukan idea, pembentukan semula pengalaman dan penyusunan maklumat dalam bentuk tertentu
 - B merupakan usaha memeriksa dan menimbang sesuatu butir meklumat dengan teliti berdasarkan kriteria tertentu
 - C merupakan aktiviti mental di mana pengetahuan diperolehi dan diolah melalui proses penaakulan
 - D merupakan proses penerimaan rangsangan luar oleh minda melalui deria yang kemudiannya diproses dan digunakan
- S82 Namakah operasi yang mengawal dah mengarah proses.
- A. pemikiran sekunder
 - B. pemikiran sub kognitif
 - C. meta kognitif
 - D. sub kognitif
- S83 Mengikut teori Robert Sperry, manusia menggunakan otak kanan untuk
- A. berfikir secara kritis
 - B. berfikir secara kreatif
 - C. berfikir secara afektif
 - D. berfikir secara menyeluruh
- S84 Mengikut teori Robert Sperry, manusia menggunakan otak kiri untuk
- A. berfikir secara kritis
 - B. berfikir secara kreatif
 - C. berfikir secara afektif
 - D. berfikir secara menyeluruh

- S85 Seorang pelajar sedang meneliti satu baris angka yang menunjukkan pendapat respondennya berkenaan dengan jenis kemahiran interpersonal yang diperlukan oleh seseorang graduan sebelum menceburi bidang pekerjaan. Pelajar tersebut cuba menyusun set angka tersebut mengikut urutan kepentingannya. Pelajar itu sedang menggunakan
- otak kiri
 - otak kanan
 - otak tengah
 - otak belakang
- S86 Tugas untuk subjek Kreativiti dan Inovasi ialah mencipta sebuah motosikal yang tidak memerlukan tayar getah. Dalam proses menyiapkan tugas ini, pelajar akan lebih menggunakan
- otak kiri
 - otak kanan
 - otak tengah
 - otak belakang

Rajah berikut merupakan model yang dicipta oleh Pusat Perkembangan Kurikulum untuk KBKK dan digunakan untuk Soalan 87 dan 88.



- S87 Ruangan X adalah komponen
- Pemikiran konvergen
 - Pemikiran divergen
 - Pemikiran reflektif
 - Membuat keputusan

- S88 Kalau X di rajah merupakan pilihan anda dalam soalan 87, maka ruangan Y adalah komponen
- A. pemikiran konvergen
 - B. pemikiran divergen
 - C. penyelesaian masalah
 - D. membuat keputusan
- S89 KBKK memerlukan penggalak untuk pembentukan kemahirannya dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah. Cadangan berikut bersesuaian untuk dijadikan penggalak sekolah orang asli pada masa sekarang, kecuali
- A. bahan pengajaran yang menyumbang ke arah berfikir perlu dibekalkan ke sekolah
 - B. kesedaran tentang kepentingan kemahiran befikir perlu didedahkan kepada pentadbir dan penyelia sekolah
 - C. persekitaran merupakan elemen paling penting KBKK, maka, ibubapa pelajar perlu dihantar ke luar negara untuk pendedahan dan amalan yang sudah bukti kejayaannya
 - D. budaya kerja sekolah bercorak kepada penglibatan semua pihak yang berkepentingan untuk membuat keputusan bagi pihak sekolah dan seterusnya budaya ini menjadi teladan kepada generasi muda
- S90 Ciri berikut merupakan ciri pemikiran kritis, kecuali
- A. afektif
 - B. meneliti
 - C. menilai
 - D. reaktif

Kenyataan berikut adalah untuk soalan S91 hingga soalan S94.

- A. Kemahiran befikir yang membolehkan seseorang meneliti perbezaan dan persamaan dua atau lebih perkara
- B. Kemahiran berfikir yang berkeupayaan melihat dan memahami perkaitan, kepentingan dan pertalian antara bahagian-bahagian kecil dengan keseluruhan
- C. Kemahiran berfikir yang berkeupayaan untuk mengkaji dan menjelaskan punca berlakunya sesuatu kejadian berdasarkan alasan dan bukti yang munasabah
- D. Kemahiran yang mengelompokkan perkara mengikut ciri-ciri tertentu yang dapat diperhatikan

S91 Meneliti perhubungan bahagian-keseluruhan

S92 Kemahiran membanding dan membeza

S93 Kemahiran menerangkan sebab

S94 Kemahiran mengklasifikasi

S95 Apakah ciri seseorang yang kreatif?

- A. Ego yang kuat
- B. Sanggup mengambil risiko
- C. Lucu dan berjenaka, kadang-kadang disebut sebagai “gila-gila”
- D. Semua yang di atas

S96 Profesor Ungku Aziz telah menyatakan bahawa “Jika semua orang berfikiran yang sama, maka tiada siapa akan berfikir”. Berdasarkan kenyataan tersebut, nyatakan kemahiran mikro pemikiran kreatif.

- A. menjana dan menghasil Idea
- B. mencipta analogi
- C. mencipta metafora
- D. kesemua di atas

S97 Kreativiti mempunyai banyak definisi. Apakah elemen asas yang boleh dikenalpasti dalam setiap definisi?

- A. metafora dan metafauna
- B. keaslian dan kesesuaian
- C. tahap dalaman dan uaran
- D. tiruan dan semula jadi

S98 Kenyataan berikut merupakan tujuan utama penggunaan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif(KBKK) dalam pengajaran dan pembelajaran matematik

- i. Mendapat latihan berfikir secara kritis dan kreatif untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah Matematik dengan bijak
- ii. Meningkatkan aspek kognitif dan afektif, dan seterusnya perkembangan intelek pelajar
- iii. Mengaplikasikan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran berfikir secara lebih praktik sama ada di dalam atau di luar sekolah yang berkaitan dengan proses matematik
- iv. Bersikap terbuka dalam membuat pertimbangan berdasarkan alasan dan bukti

- A. i, ii, dan iii sahaja
- B. ii, iii dan iv sahaja
- C. i, ii, iv sahaja
- D. i, ii, iii, dan iv

Kenyataan berikut adalah jenis-jenis kemahiran berfikir untuk soalan S99 dan soalan S100

- i. Membuat kategori
- ii. Mencipta analogi
- iii. Membuat urutan
- iv. *Mencipta metafora*
- v. Mengusul periksa andaian
- vi. Membuat inferens
- vii. Menjana dan menghasilkan idea baru

S99 Contoh-contoh kemahiran berfikir secara kritis ialah

- A. i, ii, dan iii sahaja
- B. ii, iv, dan vii sahaja
- C. i, iii, v, dan vi sahaja
- D. i, iii, v, vi, dan vii sahaja

S100 Contoh-contoh kemahiran berfikir secara kreatif ialah

- A. i, ii, dan iii sahaja
- B. ii, iv, dan vii sahaja
- C. i, iii, v, dan vi sahaja
- D. i, iii, v, vi, dan vii sahaja

SOALAN TAMAT